

KAJIAN KES TENTANG BAHASA KERINCI DIALEK SEMERAP DI HULU LANGAT, SELANGOR

NUR FARAHKHANNA MOHD RUSLI

*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan
Sultan Idris*

farahkhannamohdrusli@gmail.com

ADI YASRAN ABDUL AZIZ

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

adi@upm.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk menjelaskan penggunaan dialek Semerap dalam bahasa Kerinci dalam kalangan masyarakat yang menetap di Hulu Langat, Selangor, Malaysia. Penelitian ini berbentuk kajian kes dan menggunakan pendekatan kualitatif bagi tujuan penganalisan data. Data kajian diperoleh melalui dokumen dan hasil temu bual bersama responden. Instrumen yang digunakan dalam penyelidikan ini merangkumi buku catatan dan alat perakam. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Kerinci dialek Semerap di Malaysia, khususnya di daerah Hulu Langat, Selangor menggunakan bahasa Kerinci Semerap yang berbeza dengan bahasa Kerinci dialek Semerap yang dituturkan di Sumatera, Indonesia disebabkan faktor migrasi dan asimilasi bahasa yang berlaku terhadap penuturnya. Kajian ini juga telah dapat mengetengahkan pelbagai kosa kata bahasa Kerinci dialek Semerap daripada tiga golongan kata, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Dari segi implikasi, penyelidikan ini berusaha memberikan pendedahan kepada khalayak tentang kepelbagaian bahasa sukuan yang wujud di Malaysia seperti bahasa Kerinci dialek Semerap yang dituturkan di Hulu Langat, Selangor, Malaysia.

Kata kunci: bahasa Kerinci; dialek Semerap; Hulu Langat; Malaysia; Indonesia

A CASE STUDY ON THE KERINCI LANGUAGE OF THE SEMERAP DIALECT IN HULU LANGAT

ABSTRACT

This paper aims to elucidate the use of the Semerap dialect of the Kerinci language among the community residing in Hulu Langat, Selangor, Malaysia. The study adopts a case study design and employs a qualitative approach for the purpose of data analysis. The study data was obtained through documents and interviews with respondents. The instruments used in this research included notebooks and recording devices. The findings indicate that the Kerinci community speaking the Semerap dialect in Malaysia, particularly in the Hulu Langat district of Selangor, employs a variant of the Kerinci Semerap dialect that differs from that spoken in Sumatra, Indonesia. This divergence is attributed to the processes of migration and language assimilation experienced by the speakers. Furthermore, the study highlights a range of vocabulary in the Kerinci


Semerap dialect across three lexical categories, namely nouns, verbs, and adjectives. In terms of its implications, the research seeks to enhance public awareness of the linguistic diversity that exists in Malaysia, with particular reference to the Kerinci Semerap dialect spoken in Hulu Langat, Selangor.

Keywords: Kerinci language; Semerap dialect; Hulu Langat; Malaysia; Indonesia

PENGENALAN

Bahasa Kerinci tergolong dalam kelompok bahasa Nusantara dan berasal dari Kabupaten Kerinci yang terletak di Provinsi Jambi, Sumatera Barat, Indonesia (Bustami, Rijal Adli dan Yossy Meika Devy, 2024). Menurut Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci (2015), nama 'Kerinci' merujuk kepada Gunung Kerinci, iaitu gunung tertinggi di Kepulauan Sumatera dengan ketinggian mencecah 3,805 meter. Kawasan di sekelilingnya pula dikenali dengan pelbagai nama seperti Kerinci, Kurinchai, Kuncai, dan Kincai (Rozaimah Rashidin dan Nor Diyana Saupi, 2011).

Bahasa Kerinci dan bahasa Melayu kedua-duanya merupakan bahasa Nusantara yang berasal daripada rumpun bahasa Austronesia. Menurut Asmah Omar (2008), sesuatu bahasa boleh mempunyai hubungan kekeluargaan sama ada rapat atau jauh. Nik Safiah Karim et al. (2010) dalam kajiannya telah mengemukakan rajah salasilah bahasa seperti berikut:



RAJAH 1. Salasilah Bahasa Austronesia

(Dipetik dan diubah suai daripada Nik Safiah et al., 2010:4-5)

Berdasarkan Rajah 1, bahasa Nusantara termasuk dalam cabang Austronesia Barat. Rajah tersebut turut memperlihatkan dalam keluarga bahasa Nusantara atau Indonesia, wujud dua subkeluarga utama, iaitu subkeluarga Indonesia Pusat dan subkeluarga Filipina-Formosa. Subkeluarga Indonesia Pusat meliputi bahasa Melayu serta bahasa-bahasa yang digunakan di Sarawak, Kalimantan, dan pulau-pulau di Indonesia. Pembahagian ini jelas menunjukkan bahasa Melayu dan bahasa Kerinci tergolong dalam subkeluarga yang sama, iaitu subkeluarga bahasa Sumatera.

Hubungan kekeluargaan antara bahasa Melayu dan bahasa Kerinci turut dihuraikan Prentice dan Usman (1978) yang berpendapat bahawa hasil perbandingan leksikostatistik terhadap kosa kata dengan penekanan terhadap hubungan sejarah antara bahasa menunjukkan adanya pertalian antara kedua-dua bahasa tersebut. Mereka menyatakan bahawa bahasa Kerinci boleh dianggap sebagai salah satu dialek bahasa Melayu. Namun begitu, perlu dijelaskan bahawa meskipun kedua-duanya termasuk dalam kelompok subkeluarga bahasa Sumatera, bahasa Melayu dan bahasa Kerinci pada dasarnya ialah dua sistem bahasa yang berasingan, bukan dialek dalam satu bahasa yang sama. Hal ini turut dijelaskan oleh Asyhadi Mufsi Sadzali, Yusdi Anra dan Benny Agusti Putra (2019), bahawa walaupun Kerinci masih tergolong dalam rumpun bangsa Melayu, namun sebagai suku yang memiliki kebudayaan dari peradaban tua Melayu, bahasa Kerinci dan pada umumnya jelas berbeza dengan bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, istilah ‘bahasa Kerinci’ digunakan berbanding ‘dialek’ atau ‘loghat Kerinci’. Pemilihan ini dibuat berdasarkan konsep kefahaman menyaling (*mutual intelligibility*). Menurut Zampieri dan Nakov (2012), berdasarkan aspek perbezaan simetri antara dua bahasa yang terdapat dalam konsep kefahaman menyaling, bahasa A seharusnya dapat difahami oleh penutur jati bahasa B dengan kadar yang sama seperti bahasa B difahami oleh penutur jati bahasa A. Dengan kata lain, jika penutur daripada kedua-dua bahasa memahami pertuturan penutur sistem yang lain walaupun tanpa mempelajarinya terlebih dahulu, maka kadar kefahaman menyaling adalah tinggi dan sistem pertuturan tersebut dianggap sebagai dialek dalam satu bahasa yang sama.

Namun demikian, berdasarkan analisis, penutur Melayu bukan berketurunan Kerinci tidak dapat memahami komunikasi yang dituturkan oleh penutur jati bahasa Kerinci, terutamanya ketika mendengar pertuturan mereka buat pertama kali. Namun begitu, setelah diberikan penjelasan oleh informan atau setelah mendengar pertuturan dalam bahasa Kerinci secara berulang kali, mereka boleh memahami penggunaan bahasa tersebut. Meskipun begitu, tahap kefahaman menyaling masih rendah, yang menunjukkan bahawa komunikasi timbal balik antara kedua-dua pihak adalah sukar dicapai, kecuali jika mereka mempelajarinya (Mohd Khaidir Abdul Wahab dan Adi Kasman Che Halin, 2021). Oleh sebab itu, penggunaan istilah ‘bahasa Kerinci’ dilihat lebih relevan digunakan dalam kajian ini.

Menurut Asyhadi Mufsi Sadzali, Yusdi Anra dan Benny Agusti Putra (2019), bahasa Kerinci mempunyai pelbagai jenis dialek yang berbeza-beza. Tambah Jakub Isman (1958), bahasa Kerinci memiliki lebih daripada 80 variasi dialek yang berbeza, antaranya termasuk dialek Semerap, Seleman, Jujun, Pondok Tinggi, Tanjung Pauh, Rawang, Lempur Danau, dan Sungai Penuh. Amir Hakim Usman (1988) pula menyatakan bahawa bahasa Kerinci turut dituturkan di luar kawasan asalnya, iaitu di luar Kabupaten Kerinci, seperti di Tanjung Morawa (Sumatera Utara), serta di beberapa kawasan di Malaysia seperti Sungai Lui, Sungai Gahal, Sungai Semungkis dan Pansoon. Dalam konteks kajian ini, fokus diberikan kepada dialek Semerap yang digunakan oleh komuniti Kerinci di Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor.

“Semerap” merupakan nama sebuah kelurahan yang terletak di Kecamatan Danau Kerinci Barat, Kabupaten Kerinci, Provinsi Jambi, Sumatera Barat, Indonesia (Bustami, Rijal Adli dan Yossy Meika Devy, 2024). Kebanyakan penduduk di kelurahan ini menggunakan bahasa Kerinci dengan dialek Semerap sebagai bahasa pertuturan harian. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010), istilah *kelurahan* merujuk kepada kampung, *kecamatan* merujuk kepada bandar, *kabupaten* bermaksud daerah atau mukim, manakala *provinsi* merujuk kepada wilayah pentadbiran.

Ernanda (2015) menjelaskan bahawa perbezaan fonologi dalam bahasa Kerinci wujud antara dialek yang digunakan oleh masyarakat berdasarkan lokasi kelurahan atau kampung masing-masing. Hal ini menunjukkan bahawa setiap komuniti menggunakan variasi dialek yang berbeza mengikut kawasan tempat tinggal mereka. Sebagai ilustrasi, berikut dipaparkan data yang menunjukkan perbezaan fonologi dalam beberapa dialek tersebut:

JADUAL 1. Variasi Sebutan dalam Bahasa Kerinci

Bentuk Ejaan	BK Sungai Penuh	BK Pondoh Tinggi	BK Dusun Baru	BK Tanjung Pauh Mudik	BK Koto Tuo	BK Koto Pudung
‘garam’	[ga.heng]	[ga.hua]	[ga.hin]	[ga.hi]	[ga.huyə]	[ga.huy]
‘mulut’	[mu.lawʔ]	[mu.lawʔ]	[mu.laʔ]	[mu.lak]	[mu.lamp]	[mu.laŋk]

*BK = bahasa Kerinci

(Ernanda, 2015:359)

Setiap dialek dalam bahasa Kerinci mempunyai sebutan yang berbeza antara satu sama lain. Menurut Mohd Isa Farhy (1971), perbezaan ini juga dapat dilihat dalam kalangan subsuku Kerinci, iaitu setiap subsuku menuturkan perkataan dengan cara yang sedikit berbeza. Namun, perbezaan tersebut dianggap kecil kerana melibatkan aspek sebutan sahaja, bukan pada penggunaan kosa kata, nama benda, struktur ayat atau intonasi. Oleh yang demikian, penutur daripada subsuku Kerinci yang berlainan masih dapat memahami antara satu sama lain. Maklumat daripada temu bual menunjukkan bahawa para informan turut boleh memahami pertuturan subsuku Kerinci lain yang tinggal di kawasan Hulu Langat.

Menurut Ernanda (2011) dan McKinnon (2011), tahap kefahaman antara penutur subsuku Kerinci yang berlainan dapat dicapai kerana mereka menggunakan *koine*, iaitu dialek lisan yang berfungsi sebagai bahasa bersama dalam sesebuah kawasan. Dalam hal ini, mereka tidak menggunakan dialek asal masing-masing semasa bertutur. Dengan menggunakan *koine*, komunikasi dapat berlangsung dengan lancar kerana dialek ini bersifat neutral dan tidak mewakili dialek khusus dalam kelompok bahasa Kerinci (Ernanda, 2011). Namun demikian, apabila penutur kembali berinteraksi dengan individu daripada subsuku Kerinci yang sama, mereka cenderung menggunakan dialek asal.

Dari sudut fonologi, bahasa Kerinci yang digunakan di Malaysia telah membentuk sistem dan struktur tersendiri yang berbeza daripada bentuk asalnya di Indonesia. Bahkan, bahasa Kerinci dialek Semerap yang dituturkan di Kampung Batu 21, Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor menunjukkan perubahan fonologi yang ketara jika dibandingkan dengan dialek Semerap yang digunakan di Indonesia. Perbezaan antara bahasa Kerinci di Malaysia dan di Indonesia turut

dijelaskan Amir Hakim Usman (1988) yang menyatakan bentuk bahasa Kerinci di Semenanjung telah mengalami pemisahan daripada bentuk asalnya. Menurut beliau, penutur bahasa Kerinci yang telah lama tinggal di Malaysia, khususnya dalam kalangan perantau tidak lagi menuturkan bahasa tersebut sebagaimana yang dituturkan oleh penutur asli di daerah Kerinci, Indonesia. Hal ini berlaku kerana bahasa Kerinci yang digunakan oleh komuniti tersebut telah banyak dipengaruhi oleh bahasa tempatan, sehingga tidak lagi sepenuhnya mencerminkan ciri-ciri asli bahasa Kerinci dari daerah asal.

Proses penghijrahan yang membawa kepada kewujudan sub suku Kerinci di beberapa negeri di Malaysia telah menyebabkan variasi dalam aspek fonologi bahasa tersebut, berbeza daripada bentuk asal bahasa Kerinci yang dituturkan oleh komuniti di Kabupaten Kerinci, Sumatera Barat, Indonesia. Saidatul Nornis Mahali (2024) menjelaskan perubahan bahasa boleh berlaku disebabkan oleh penerimaan pendidikan, pengaruh penggunaan teknologi digital, aspek persekitaran, sosioekonomi dan sebagainya yang memerlukan penutur menyesuaikan penggunaan bahasa mengikut konteks. Perubahan tersebut turut memberi kesan kepada sistem fonologi bahasa Kerinci di Malaysia sehingga wujud perbezaan ketara dengan bahasa Kerinci asal di Indonesia. Sehubungan itu, kajian tentang perkara ini amat penting bagi mengemas kini penemuan terdahulu agar selari dengan perkembangan semasa. Pada masa yang sama, analisis ini juga diharapkan dapat memperluas lagi skop penyelidikan berkaitan variasi bahasa atau dialek yang terdapat di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:

- a) Menghuraikan hubungan antara bahasa Kerinci dengan bahasa Minangkabau.
- b) Menghuraikan perihal masyarakat Kerinci di Malaysia dan di Hulu Langat.
- c) Menyenaraikan glosari bahasa Kerinci Semerap berdasarkan golongan kata.

SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Rozaimah Rashidin dan Nor Diana Saupi (2011) telah meneliti kata ganti nama dalam dialek Kerinci di Kampung Parit Tengah, Yong Peng, Johor Bahru, khususnya dalam situasi tidak formal. Beberapa contoh kata ganti nama yang ditemui ialah [sajo] untuk 'saya', [a.ku] untuk 'aku', [iko] untuk 'awak', [kammĩ?] untuk 'kami', dan [nũ] untuk 'dia'. Dialek Kerinci juga menunjukkan variasi sebutan antara kawasan, seperti di Kampung Parit Tengah, Yong Peng dan Kampung Sungai Lui, Hulu Langat.

Mohd Isa Farhy (1971) menyatakan setiap dialek Kerinci mempunyai sebutan yang berlainan. Walaupun ada perbezaan bunyi antara subsuku Kerinci, perbezaannya kecil dan lebih bergantung pada cara perkataan diucapkan daripada penggunaan istilah, nama benda, susunan ayat, atau intonasi. Sebagai contoh, kata "gadis" diucapkan sebagai [ga.doyh] dalam dialek Kerinci Sungai Penuh dan [ga.dəh] dalam dialek Kerinci Tanjung Pauh Mudik. Perbezaan ini menunjukkan keperluan untuk kajian mengenai variasi sebutan dalam dialek Semerap.

Pada dasarnya, kajian tentang bahasa Kerinci Semerap telah dijalankan secara teoritikal oleh Adi Yasran Abdul Aziz et al. (2014), Nur Farahkhanna Mohd Rusli et al. (2015), Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2019), Nur Farahkhanna Mohd Rusli dan Adi Yasran Abdul Aziz (2022), serta Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Adi Yasran Abdul Aziz dan Norfaizah Abdul Jobar

(2022). Kajian-kajian ini menjelaskan pelbagai proses fonologi dalam bahasa tersebut menggunakan teori fonologi generatif dan autosegmental. Namun, kerana kajian-kajian ini lebih tertumpu pada penjelasan teori yang kritis dan empirikal serta melibatkan rumus fonologi, data yang dikemukakan adalah terhad kepada proses fonologi tertentu. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menonjolkan kepelbagaian kosa kata dalam bahasa Kerinci dialek Semerap, khususnya bagi tiga golongan kata: kata nama, kata kerja, dan kata adjektif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes dengan menerapkan kaedah kualitatif dalam penganalisan data. Kajian kes digunakan dalam kajian ini bertujuan memberikan penumpuan kepada data yang dikhususkan hanya kepada satu kelompok masyarakat dengan melibatkan bilangan responden yang sedikit. Kaedah kualitatif pula dilaksanakan bagi menghuraikan dapatan kajian secara analisis deskriptif tanpa melibatkan data penomboran yang banyak. Analisis deskriptif yang dilakukan turut dikaitkan dengan pandangan sarjana bagi mengukuhkan dapatan yang diperoleh.

Dari segi pengumpulan data, data-data diperoleh melalui data sekunder seperti dokumen dan pemerhatian. Data dokumen diperoleh berdasarkan rujukan yang dibuat daripada pelbagai sumber bertulis seperti buku ilmiah, jurnal, artikel, prosiding, disertasi bahkan laporan daripada pihak yang berkaitan bagi membolehkan data yang berkaitan dengan skop kajian dapat dikumpulkan. Menurut Norfazila Ab. Hamid (2025), kepelbagaian sumber rujukan membolehkan penyelidik mengenal pasti jurang penyelidikan sedia ada dan menentukan arah tuju yang lebih jelas bagi pelaksanaan kajian yang sedang dijalankan.

Data pemerhatian pula diperoleh ketika kajian lapangan dilakukan. Data ini diperoleh melalui keberadaan penyelidik di lokasi kajian untuk bertemu dengan responden dan menjalankan sesi pemerhatian turut serta bagi mendapatkan data mentah daripada responden. Kaedah ini dilakukan dengan penyelidik sebagai pemerhati pasif dalam perbualan antara semua responden yang terlibat, iaitu penyelidik hanya mencatat dan merakam ujaran responden setelah mereka diminta untuk berbual. Dalam hal ini, penyelidik tidak menyediakan soalan atau arahan kepada responden, sebaliknya responden bebas berbual bagi menggalakkan kepelbagaian data. Bagi proses ini, penyelidik dapat bertemu dengan hampir semua responden pada satu masa yang sama kerana penyelidik telah dijemput oleh salah seorang responden untuk menghadiri sebuah majlis keraian yang diadakan di lokasi kajian.

Kajian ini dilakukan di Kampung Sungai Lui, Hulu Langat Selangor. Lokasi tersebut dipilih kerana kawasan tersebut mempunyai penutur bahasa Kerinci Dialek Semerap yang dapat memberikan data yang bertepatan dengan objektif penyelidikan. Selain itu, responden yang terlibat terdiri daripada sepuluh orang (lima penutur lelaki dan lima penutur wanita). Responden yang dipilih berusia 50 tahun dan ke atas, serta hanya mendapat pendidikan di peringkat Sekolah Dasar (SD) di Kerinci, Sumatera Barat, Indonesia. Pemilihan ini dilakukan bagi mendapatkan data yang konvensional, iaitu data yang tidak berasimilasi sepenuhnya dengan bahasa Melayu seperti yang digunakan oleh penutur Kerinci Semerap berusia 49 tahun dan ke bawah yang menerima pendidikan di Malaysia.

Instrumen kajian ini melibatkan buku catatan borang soal selidik, dan alat perakam. Buku catatan digunakan untuk mencatat sebarang maklumat yang tidak sempat dirakam oleh alat perakam. Borang soal selidik pula digunakan untuk merekodkan maklumat demografi responden. Alat perakam pula digunakan untuk merekod ujaran penutur ketika mereka berkomunikasi sesama

sendiri. Hal ini penting bagi mendapatkan data yang relevan kerana menurut Siti Noridayu Abd. Nasir dan Hazlina Abdul Halim (2022), data yang baik ialah data yang tidak dipengaruhi oleh penyelidik semasa suatu proses penyelidikan dijalankan. Data yang telah dikumpul kemudiannya akan diproses, ditranskripsikan secara fonemik dan fonetik supaya cara sebutan yang dituturkan oleh responden dapat dikenal pasti.


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bagi memahami penggunaan bahasa Kerinci yang dituturkan di Malaysia, bahagian ini akan menghuraikan perbincangan berkaitan hubungan antara bahasa Kerinci dengan bahasa Minangkabau, masyarakat dan bahasa Kerinci di Malaysia, masyarakat Kerinci di Hulu Langat, Selangor dan glosari bahasa Kerinci dialek Semerap. Setiap perbincangan akan dihuraikan secara terperinci supaya perkara yang dibincangkan dapat difahami dengan lebih jelas.

Hubungan antara Bahasa Kerinci dengan Bahasa Minangkabau

Berdasarkan Rajah 1 sebelum ini, bahasa Kerinci dikategorikan dalam subkeluarga bahasa yang berkait rapat dengan bahasa Minangkabau. Rifai (1954) berpendapat bahawa bahasa Kerinci ialah dialek bagi bahasa Minangkabau kerana persamaan sebutan kata antara kedua-dua bahasa tersebut. Selain itu, pemerhatian mendapati sesetengah individu yang baru mengenali bahasa Kerinci berpendapat sebutan dalam bahasa tersebut serupa dengan bahasa Minangkabau (pandangan ini diperoleh daripada pengkaji yang juga merupakan keturunan Kerinci generasi keenam).

Untuk menjelaskan hal ini, Prentice & Usman (1978) serta Adelaar (1992) menyatakan bahasa Minangkabau, bahasa Melayu-Jambi, dan bahasa Melayu Tengah turut berkait dengan bahasa Kerinci. Voorhoeve (1970) pula berpendapat bahawa Kabupaten Kerinci dan Minangkabau mempunyai hubungan rapat dalam aspek politik dan budaya. Tambahan juga, Refisrul dan Ajisman (2015) dalam kajiannya menyatakan bahawa bahasa Kerinci secara budayanya tidak dapat dipisahkan daripada Minangkabau hingga orang Kerinci sendiri dianggap sebagai ‘orang Minangkabau’ di Provinsi Jambi. McKinnon (2011) dan Ernanda (2011 & 2015) mengesahkan hubungan ini disebabkan oleh kedudukan geografi yang bersempadan antara Kabupaten Kerinci, Minangkabau, dan Jambi, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2:



RAJAH 2. Sempadan antara Kabupaten Kerinci, Minangkabau dan Melayu Jambi

(Diubah suai daripada McKinnon, 2011)

Berdasarkan Rajah 2, hubungan antara bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau terjalin kerana kedudukan Kabupaten Kerinci sebagai daerah pertemuan antara masyarakat Minangkabau, Melayu-Jambi, dan Melayu-Bengkulu (Amir Hakim Usman, 1983). Faktor ini menyebabkan berlakunya migrasi masyarakat Minangkabau ke Kerinci. Semasa penjajahan Belanda, bahasa Minangkabau digunakan secara meluas di semua bidang di Kabupaten Kerinci, termasuk pendidikan, perubatan, pentadbiran, dan perniagaan (Ernanda, 2011). Keadaan ini berlangsung lama sehingga sesetengah masyarakat Kerinci fasih bertutur dalam bahasa Minangkabau. Hal ini menjelaskan persamaan sebutan kata antara kedua-dua bahasa tersebut.

Hasil kajian Monita Sholeha dan Hendrokumoro (2022) menunjukkan bahawa hubungan kekerabatan antara bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau adalah sebanyak 81%. Walau bagaimanapun, kedua-dua bahasa ini tetap berbeza, seperti yang dibuktikan melalui kajian Prentice & Usman (1978) dan Voorhoeve (1970). Selain itu, kajian oleh Rozaimah Rashidin & Nor Diyana Saupi (2011), Amir Hakim Usman (1988), Asmah Omar et al. (2013), dan Nandra (1999) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam sebutan kata antara kedua-dua bahasa, seperti yang dibuktikan dalam contoh berikut:

JADUAL 2. Perbezaan Bahasa Kerinci dengan Bahasa Minangkabau

Bentuk Ejaan	Bahasa Kerinci		Bahasa Minangkabau	
	Rozaimah Rashidin & Nor Diyana Saupi (2011)	Amir Hakim Usman (1988)	Asmah Omar et al. (2013)	Nandra (1999)
‘dagu’	[da.gu]	[da.geuʔ]	[da.gu.waʔ]	[da.gua]
‘pipi’	[pi.pi]	[pi.paj]	[pi.piʔ]	[pi.pi.jaʔ]
‘rambut’	[am.buʔ]	[am.bauʔ]	[yam.buiʔ]	[ram.bujʔ]
’	[sa.tu]	[sa.tau]	[ʔi.ɛʔ]	[sa.tua]
‘satu’				

Berdasarkan Jadual 2, terdapat perbezaan dalam transkripsi fonetik untuk sebutan kata dalam bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau. Transkripsi ini menunjukkan bahawa setiap bahasa memiliki sistem kebahasaan yang berbeza-beza walaupun tergolong dalam subkeluarga bahasa yang sama. Oleh itu, sistem fonologi setiap bahasa juga berbeza. Perbezaan antara kedua-dua bahasa ini turut dinyatakan oleh Asyhadi Mufsi Sadzali, Yusdi Anra dan Benny Agusti Putra. (2019) bahawa hasil data lapangan kajiannya jelas menunjukkan walaupun kedua-dua bahasa ini berkembang di kawasan masyarakat Jambi, namun bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau merupakan dua jenis bahasa yang berbeza. Perbezaan ini dibuktikan berdasarkan data-data kebudayaan dalam bentuk artifak dan sejarah yang telah dikaji dalam kajiannya seperti tambo, keris, rumah larik dan sebagainya.

Masyarakat dan Bahasa Kerinci di Malaysia

Menurut Asmah Omar (2008), bahasa dapat tersebar apabila penuturnya berpindah tempat. Asmah Omar (2005) menjelaskan bahawa kehadiran masyarakat Kerinci, Jawa, Bugis, Minangkabau, Mandailing, dan lain-lain di Malaysia adalah hasil daripada kecenderungan merantau dan membuka penempatan baru oleh penduduk dari Kepulauan Indonesia ke kawasan tertentu, terutamanya di alam Melayu. Bagi Budiarta (2019), terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan proses migrasi ini berlaku antaranya globalisasi, urbanisasi, perkahwinan antara etnik, bencana dan ekonomi. Nelmawarni dan Nordin (2011) pula berpendapat bahawa tradisi penghijrahan suku bangsa Melayu dari kepulauan Melayu ke Tanah Melayu berkembang pesat pada abad ke-19 dan ke-20. Proses migrasi membolehkan mereka menetap di beberapa negeri di Semenanjung.

Bagi masyarakat Kerinci, mereka menetap di negeri-negeri di sebelah pantai barat Semenanjung seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Selangor, dan Kuala Lumpur kerana kedudukannya yang lebih dekat dengan Kepulauan Indonesia (Rozaimah Rashidin dan Nor Diyana Saupi, 2011). Di Malaysia, bahasa Kerinci tergolong sebagai bahasa sukuan minoriti disebabkan saiz populasi masyarakatnya yang kecil dan penggunaan bahasa tersebut yang terhad hanya dalam kalangan penutur berketurunan Kerinci. Dari segi asal usul, masyarakat Kerinci yang pertama berhijrah dari Indonesia ke Tanah Melayu telah meneroka tanah di Bukit Nanas sebelum menetap di Kampung Kerinci, Seputeh, Subang, dan Kampung Haji Abdullah Hukum di Kuala Lumpur (Abdul Hakam, 2008). Menurut Adnan Haji Nawang (1997), kawasan-kawasan tersebut dibuka oleh masyarakat Kerinci yang berasal dari Sumatera. Dari segi bahasa, hasil pemerhatian dan temu bual menunjukkan bahawa sistem fonologi bahasa Kerinci di Malaysia berbeza bukan sahaja dengan bahasa Melayu, tetapi juga dengan fonologi bahasa Kerinci induk di Indonesia. Perbezaan ini berlaku kerana bahasa Kerinci di Malaysia telah berasimilasi dengan bahasa dan budaya masyarakat tempatan, terutamanya bahasa dan budaya Melayu.

Menurut Teuku Alamsyah, Muhammad Iqbal dan Rostina Taib (2022), perubahan leksikal dalam sesuatu bahasa berlaku disebabkan perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat, sejajar dengan perkembangan zaman. Perubahan ini berlaku bertujuan untuk menamakan konsep baharu yang sesuai dengan organisasi sistem sosial, pandangan dunia, kegiatan sosioekonomi, pendidikan, agama, dan sistem semiologi di sesuatu lokaliti (Raja Masittah Raja Ariffin, 2007). Noor Aina Dani (2004) pula berpendapat bahawa masyarakat pendatang yang tiba di kawasan baharu akan mempelajari bahasa tempatan, walaupun penggunaannya tidak sempurna, yang menyebabkan pengubahsuaian terhadap bentuk asal bahasa. Di samping itu, penggunaan dua bahasa secara serentak (bahasa Melayu dan bahasa Kerinci) juga menyumbang kepada pencampuran bahasa,

yang mempengaruhi cara pertuturan bahasa Kerinci yang asal. Dengan kata lain, walaupun bahasa Kerinci yang dituturkan di Malaysia dan Indonesia mempunyai perkaitan, namun hubungan ini semakin menjauh akibat proses asimilasi, khususnya dalam bahasa Kerinci yang dituturkan di Malaysia.

Masyarakat Kerinci di Hulu Langat

Ketika campur tangan British, daerah Hulu Langat, Selangor dihuni oleh masyarakat Sumatera berketurunan Minangkabau, Kerinci, dan Jawa (Radcliffe, 1969). Kini, daerah tersebut turut didiami oleh masyarakat Cina, India, dan Orang Asli. Jumlah populasi penduduk yang menetap di daerah Hulu Langat, Selangor adalah seperti berikut:

JADUAL 3. Jumlah Penduduk mengikut Kumpulan Etnik, Mukim dan Negeri di Selangor

Daerah Pentadbiran/ Mukim	Jum	Warganegara Malaysia							Bukan Warganegara Malaysia
		Jum.	Jum.	Melayu	Bumi.	Cina	India	Lain-lain	
HULU LANGAT	1,138,198	1,050,753	576,591	565,618	10,973	351,048	111,786	11,328	87,445
Ampang	342,676	312,686	156,887	153,949	2,938	122,136	27,768	5,895	29,990
Beranang	49,772	46,329	31,639	31,436	203	8,733	5,677	280	3,443
Cheras	244,563	232,306	96,395	93,609	2,786	111,344	23,344	1,223	12,257
Kajang	342,657	311,785	209,84	206,805	3,019	65,992	33,536	2,433	30,872
Semenyih	99,669	92,491	42,814	42,070	744	31,160	17,788	729	7,178
Hulu Langat	55,251	51,789	36,180	35,147	1,033	11,439	3,417	753	3,462
Ulu Semenyih	3,610	3,367	2,852	2,602	250	244	256	15	243

(Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010:390)

Penduduk di daerah Hulu Langat majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu. Sebahagian daripada mereka berketurunan Kerinci. Di Hulu Langat, masyarakat Kerinci menetap di Pekan Hulu Langat, Kampung Sungai Lui, Kampung Sungai Gahal, Kampung Sungai Semungkis, dan Pansoon. Terdapat juga pekan yang dikenali sebagai Pekan Hulu Langat di dalam daerah ini. Menurut Redzuan Othman (1980), pemilihan lokasi yang berbeza oleh masyarakat Kerinci berlaku disebabkan oleh tradisi mereka yang membuka petempatan secara berasingan mengikut sub suku masing-masing. Sub suku ini merujuk kepada kelompok penutur yang menggunakan dialek bahasa Kerinci yang sama (Ernanda, 2011). Malah, Reijn (1974) dan Ernanda (2011) berpendapat bahawa komuniti Kerinci di setiap kampung mempunyai dialek tersendiri, walaupun lokasi kampung tersebut bersebelahan antara satu sama lain. Kajian ini memilih Kampung Sungai Lui yang terletak di daerah Hulu Langat, Selangor sebagai lokasi kajian. Keterangan lanjut mengenai jumlah populasi penduduk yang menetap di lokasi tersebut ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 4. Jumlah Penduduk mengikut Kumpulan Etnik, Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Negeri di Hulu Langat Selangor, 2010

Daerah Pentadbiran/ Mukim	Jum	Warganegara Malaysia							Bukan Warganegara Malaysia
	Jum.	Jum.	Melayu	Bumi.	Cina	India	Lain-lain		
HULU LANGAT									
Majlis Perbandaran Kajang	795,522	738,067	419,704	411,669	8,035	228,912	84,018	5,433	57,455
Sungai Lui	964	827	633	632	1	64	33	97	137

(Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010:184)

Penduduk di Kampung Sungai Lui didominasi oleh masyarakat Melayu. Hampir keseluruhan daripadanya merupakan individu berketurunan Kerinci daripada generasi pertama, kedua, ketiga, dan seterusnya. Kampung Sungai Lui dibuka oleh masyarakat Kerinci yang pada asalnya menetap di Bukit Nanas, Kuala Lumpur (Abdul Hakam, 2008). Pada tahun 1920, komuniti tersebut ditawarkan oleh Datuk Dagang atau Penghulu Datuk Osman (penghulu Kuala Lumpur ketika itu) untuk membersihkan hutan dan bekerja di kawasan perlombongan di Kampung Sungai Lui, dan seterusnya menetap di lokasi tersebut (Laporan Kisah Sungai Lui, 1980). Berikut adalah pendapat Radcliffe (1969) mengenai masyarakat Kerinci di Kampung Sungai Lui:

“The people here are Sumatrans, like the others of the mukim, but have maintained a local pride and sense of separation from the rest of the mukim. They are Korinchi, a trading people, who in Sumatra and Malaya have been treated with suspicion because of their reputation for supernatural powers...”

(Sumber: Radcliffe, 1969:166)

“Korinchi traders knew of the area early, and it was Korinchi who finally established the settlement of Kampong Sungei Lui, together with its satellites, Kampong Mesjid and Kampong Pauh. Kampong Sungei Lui was started around 1916 by Korinchi who developed the area for growing vegetables which they traded to the other kampongs in the mukim”

(Sumber: Radcliffe, 1969:180)

Radcliffe (1969) dalam kajiannya juga berpendapat bahawa lokasi Kampung Sungai Lui terletak di kawasan pedalaman seperti yang dijelaskan dalam petikan berikut:

“Ulu Langat itself just beyond the thirteenth mile (mileages are given according to official survey maps, measured from Kuala Lumpur. Ulu Langat is 4½ miles from the main road turn-off) ... and Sungei Lui 21 miles up on the Sungei Lui branch. To reach it, one travels through two miles of uninhabited land, before coming out into the Sungai Lui”

(Sumber: Radcliffe, 1969: 162-166)

Keadaan ini menunjukkan bahawa proses asimilasi terhadap bahasa Kerinci di Sungai Lui adalah rendah. Oleh kerana kajian ini berfokus pada ujaran Kerinci yang bersifat konvensional,

maka data dari lokasi tersebut sesuai untuk dianalisis. Sungai Lui terbahagi kepada tiga kampung, iaitu Kampung Batu 20, Kampung Batu 21, dan Kampung Batu 23. Masyarakat Kerinci hanya mendiami dua kampung, iaitu Kampung Batu 20 dan Kampung Batu 21, sementara Kampung Batu 23 dihuni oleh penduduk berketurunan Minangkabau yang menuturkan dialek Rembau. Masyarakat Kerinci di Kampung Batu 20 menggunakan bahasa Kerinci dialek Tanjung Pauh, manakala masyarakat Kerinci di Kampung Batu 21 menggunakan bahasa Kerinci dialek Semerap, iaitu dialek yang dipilih dalam kajian ini.

Glosari Bahasa Kerinci Dialek Semerap

Bahagian ini akan memaparkan data berbentuk glosari bahasa Kerinci berdasarkan tiga jenis golongan kata, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

a) Kata Nama

Kata nama ialah kata yang dapat menjadi inti frasa nama yang bersifat endosentrik. Kata nama merupakan nama bagi sesuatu objek, orang, tempat, konsep, peristiwa atau perkara (Kho Thong Eng, 2022). Berikut adalah contoh kata nama yang terdapat dalam bahasa Kerinci:

Bahasa Kerinci	Bahasa Melayu
[a.deʔ]	adik
[a.kaw]	aku
[a.jɔ:m]	ayam
[ban.tɔ:n]	bantal
[ba.wɔ:ŋ]	bawang
[bɛʔ]	beg
[bə.rɛh]	beras
[bi.lajh]	bilis
[bi.nāj]	bini
[bu.loh]	buluh
[ʈa.ba.ran]	cabaran
[ʈa.bo.tan]	cabutan
[da.toʔ]	datuk
[ə.mɛh]	emas
[ga.dajh]	gadis
[gi.gaj]	gigi
[gu.lej]	gulai
[ha.ra.pan]	harapan
[ha.taj]	hati
[i.teʔ]	itik
[ka.kaj]	kaki
[kə.ru.saj]	kerusi
[kə.ʈan.te.kan]	kecantikan
[kə.hi.do.pan]	kehidupan
[ki.pɛh]	kipas
[ki.tap]	kitab

[ku.paj]	kopi
[kun.tʃaj]	kunci
[la.kaj]	laki
[lu.təʔ]	lutut
[mã.lə:m]	malam
[mã.nẽ.san]	manisan
[mã.taj]	mati
[nĩ.nẽʔ]	nenek
[nã.mõʔ]	nyamuk
[u.hə:ŋ]	orang
[pa.gaj]	pagi
[pə.nã.paw]	penyapu
[pin.taw]	pintu
[piŋ.gə:n]	pinggan
[pi.sə:ŋ]	pisang
[pu.koʔ]	pokok
[u.mãh]	rumah
[sam.bə:n]	sambal
[sa.taw]	satu
[sku.lah]	sekolah
[səm.bi.lə:n]	sembilan
[su.ŋẽj]	sungai

b) Kata Kerja

Kata kerja ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan wajib dihadiri oleh kata kerja (Nurul Aini Abd Rahman, 2018). Berikut adalah contoh kata kerja yang terdapat dalam bahasa Kerinci:

Bahasa Kerinci	Bahasa Melayu
[am.beʔ]	ambil
[a.təh]	atas
[ba.ləh]	balas
[ba.la.san]	balasan
[bi.loʔ]	belok
[bə.ra.nẽʔ]	beranak
[bə.raŋ.kẽʔ]	berangkat
[bə.pi.ke.ran]	berfikiran
[bə.la.gəʔ]	berlagak
[bə.r.tə.ro.san]	berterusan
[bi.ləh]	bilas
[bu.hoŋ]	bohong
[tʃa.baʔ]	cabut
[da.lə:m]	dalam
[dəŋ.kaj]	dengki
[di.a.ta.si]	diatasi

[di.du.doʔ.ki]	diduduki
[di.pa.nã.si]	dipanasi
[du.doʔ]	duduk
[gu.soʔ]	gosok
[ha.lo.si]	halusi
[həm.pəh]	hempas
[im.bəh]	imbas
[in.tej]	intai
[kə.toʔ]	ketuk
[kə.toʔ.kan]	ketukkan
[ku.jɛʔ]	koyak
[lə.kəh]	lekas
[lə.pəh]	lepas
[mãn.daj]	mandi
[mã.səʔ]	masak
[mã.soʔ]	masuk
[mð.lə.pa.si]	melepasi
[ɲãm.bajʔ]	mengambil
[ɲũ.toʔ]	mengutuk
[mã.kej]	memakai
[ɲũ.rawh]	menyuruh
[mð.nĩŋ.gð:n]	meninggal
[nũ.lo:ŋ]	menolong
[nũ.lajh]	menulis
[mð.nũ.to.pi]	menutupi
[pa.kej]	pakai
[pə.gaj]	pergi
[sam.baʔ]	sambut
[sə.baʔ]	sebut
[sə.nð:p]	senyap
[ta.ho:n]	tahan
[nĩ.ŋðʔ]	tengok
[nũ.lajh]	tulis
[nũ.təʔ]	tutup

c) Kata Adjektif

Kata adjektif ialah kata sifat yang menjadi unsur inti dalam frasa adjektif. Kata adjektif boleh menjadi penerang kepada kata nama, kata kerja termasuklah juga kata adjektif (Nur Hafizah Termizi dan Kartini Abd, Wahab, 2023). Berikut adalah contoh kata adjektif yang terdapat dalam bahasa Kerinci:

Bahasa Kerinci	Bahasa Melayu
[ba.eʔ]	baik
[bən.tʃaj]	benci
[tʃan.teʔ]	cantik
[də.keʔ]	dekat
[a.lawh]	halus
[hu.doh]	hodoh
[ku.rawh]	kurus
[lə.beh]	lebih
[ləm.baʔ]	lembut
[mã.nãjh]	manis
[pa.nẽh]	panas
[pan.dej]	pandai
[pu.tajh]	putih
[rə.dəʔ]	redup
[ta.kaʔ]	takut
[wa.ŋãj]	wangi

Berdasarkan data (a), (b) dan (c), terdapat pelbagai perilaku fonologi yang ada dalam bahasa Kerinci dialek Semerap. Terdapat kata yang menyamai bunyi seperti yang diujarkan dalam bahasa Melayu Johor-Riau seperti kata *lebih* yang dituturkan sebagai [lə.beh], kata *menutupi* diujarkan [mã.nũ.to.pi], kata *cantik* dituturkan sebagai [tʃan.teʔ], kata *baik* dituturkan sebagai [ba.eʔ], kata *buluh* dituturkan sebagai [buloh] dan sebagainya. Dalam hal ini, persamaan yang berlaku wujud disebabkan proses asimilasi yang berlaku dalam kalangan penutur Kerinci dialek Semerap. Walaupun semua responden hanya mendapat pendidikan berdasarkan struktur persekolahan di Indonesia, iaitu Sekolah Dasar dan tidak menerima pendidikan berdasarkan struktur persekolahan di Malaysia, data yang diperoleh menunjukkan kata yang dituturkan responden sudah menyamai kata yang digunakan dalam bahasa Melayu khususnya dialek Melayu Johor-Riau.

Malahan juga, faktor tempoh menetap di Malaysia selama 30 tahun dan ke atas telah menyebabkan cara sebutan responden menyamai cara sebutan dalam bahasa Melayu. Semua responden juga memiliki anak, cucu serta cicit yang menerima pendidikan formal di Malaysia. Oleh yang demikian, secara tidak langsung responden turut menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan mereka. Jelas bahawa, faktor asimilasi yang dinyatakan telah menyebabkan terdapat kata dalam bahasa Kerinci yang menyamai cara bunyi kata yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat juga kata dalam bahasa Kerinci dialek Semerap yang menyamai cara sebutan dengan bahasa Minangkabau. Sebagai contoh, kata *panas* dituturkan sebagai [pa.nẽh], kata *kipas* dituturkan sebagai [ki.peh], kata *atas* dituturkan sebagai [a.teh], kata *balas* dituturkan sebagai [ba.leh] dan sebagainya. Menurut Palen Dika et al. (2023), bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau mempunyai persamaan ciri-ciri fonetik dari segi leksikalnya.

Tambahan juga, Nova Rina dan Mariati (2017) menjelaskan faktor geografi memberikan pengaruh yang besar terhadap persamaan ciri-ciri fonetik kedua-dua bahasa tersebut. Menurutnya, Kota Sungai Penuh yang didiami oleh penutur Kerinci terletak di provinsi Jambi bersebelahan

dengan Tapan yang terletak di provinsi Sumatera Barat yang didiami oleh penutur Minangkabau. Kota Sungai Penuh pula telah menjadi pusat perdagangan dan menyebabkan kedua-dua penutur bahasa ini sering berkomunikasi antara satu sama lain, lalu membolehkan asimilasi bahasa berlaku. Proses ini telah berlaku dalam tempoh yang lama hingga menyebabkan bahasa, adat istiadat dan budaya antara bahasa Kerinci dan bahasa Minangkabau turut mempunyai persamaan.

Berdasarkan data (a), (b) dan (c) juga, terdapat banyak proses fonologi yang berlaku dalam bahasa Kerinci dialek Semerap mengikut pola tertentu, iaitu berdasarkan pelaksanaan rumus-rumus fonologi yang berlaku terhadap kata-kata tersebut. Berikut dikelaskan pola perubahan fonologi yang ada dalam bahasa Kerinci:

JADUAL 5. Pola Perubahan Fonologi Bahasa Kerinci

Perubahan	Rumus Fonologi	Rujukan
i. /as/ kepada [h]	Rumus peninggian vokal	Adi Yasran et al. (2014)
ii. /is/ kepada [h] dan /us/ kepada [awh]	Rumus perendahan vokal	
iii. /s/ kepada bunyi glotis [h]	Rumus pengglotisan konsonan geseran	
i. /up/ kepada [əʔ]	Rumus reduksi vokal Rumus pembentukan glotis	Nur Farahkhanna Mohd Rusli et al. (2015)
i. /as/ kepada [ɛh]	Rumus debukalisasi	Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2019)
ii. /up/ kepada [əʔ]	Rumus asimilasi fitur	
iii. /ut/ kepada [aʔ]		
iii. /uk/ kepada [oʔ]		
i. /i/ kepada [aj]	Rumus penyukuan vokal tinggi di koda	Nur Farahkhanna Mohd Rusli dan Adi Yasran Abdul Aziz (2022)
ii. /u/ kepada [aw]	Rumus penyukuan vokal tinggi di koda dan debukalisasi	
iii. /is/ kepada [ajh]		
iii. /us/ kepada [awh]		

Berdasarkan Jadual 5, jelas bahawa terdapat pelbagai proses fonologi yang berlaku dalam bahasa Kerinci dialek Semerap yang melibatkan perubahan terhadap bunyi vokal dan konsonan. Oleh sebab objektif kajian ini hanya berfokus kepada penyenaaraian glosari bahasa Kerinci dialek Semerap berdasarkan golongan kata (kata nama, kata kerja dan kata adjektif), maka perubahan

yang berlaku tidak dijelaskan secara terperinci dalam kajian ini. Setiap perubahan yang berlaku juga telah dijelaskan secara teoritikal dalam kajian-kajian yang dinyatakan dalam jadual 5 kerana setiap perubahan yang berlaku perlu dijelaskan secara terperinci, empirikal dan satu persatu kerana setiap perubahan mengalami proses fonologi yang berbeza-beza. Oleh yang demikian, pembaca boleh merujuk bahan yang dinyatakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas tentang proses fonologi yang berlaku dalam bahasa Kerinci dialek Semerap.

KESIMPULAN

Bahasa Kerinci Semerap di Hulu Langat mempunyai ciri-ciri yang unik yang membezakannya dengan dialek-dialek lain sama ada dengan dialek Kerinci yang lain, bahkan dengan dialek-dialek Melayu yang ada di Malaysia. Penemuan kajian ini menggambarkan variasi yang wujud akibat penyesuaian terhadap persekitaran baharu. Perubahan linguistik dalam bahasa Kerinci Semerap di Hulu Langat dipengaruhi oleh faktor sosial dan budaya seperti integrasi etnik, urbanisasi, dan hubungan antara komuniti. Pengaruh ini menyebabkan modifikasi dalam penggunaan bahasa yang mungkin mencerminkan proses adaptasi dan penyesuaian dalam konteks sosial yang lebih luas.

Kajian ini pada dasarnya menekankan keperluan usaha dokumentasi untuk melestarikan bahasa Kerinci Semerap. Dengan adanya ancaman kehilangan bahasa akibat perubahan sosial dan kemajuan teknologi, penting untuk memastikan bahawa dialek ini dipelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang. Pentingnya juga kajian ini untuk mendedahkan kepada khalayak tentang kewujudan bahasa-bahasa subsukuan seperti bahasa Kerinci, bahasa Banjar dan sebagainya di Malaysia, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Selain itu, kajian ini memberikan sumbangan penting kepada pemahaman linguistik dan budaya mengenai bahasa Kerinci Semerap di luar kawasan asalnya. Kajian ini dapat dijadikan sebagai batu landasan untuk menyediakan maklumat yang berguna untuk ahli bahasa, pendidik, dan pembuat dasar dalam merancang strategi pelestarian bahasa-bahasa sukuan di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga memberikan pandangan tentang cara dialek dan bahasa dapat beradaptasi dan berkembang dalam konteks baharu.

Bagi melestarikan bahasa Kerinci Semerap, terdapat beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh diketengahkan seperti mengkaji perbandingan antara dialek Semerap dengan dialek-dialek lain dalam bahasa Kerinci serta bahasa-bahasa tempatan di Hulu Langat, membuat kajian lanjut tentang faktor-faktor sosial dan budaya yang mempengaruhi perubahan linguistik dalam dialek ini, dan mencadangkan pelaksanaan program yang dapat memastikan kelestarian bahasa Kerinci Semerap seperti penghasilan glosari atau kamus. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Kerinci Semerap di Hulu Langat bukan sahaja merupakan varian linguistik yang menarik tetapi juga berperanan penting dalam mempertahankan identiti budaya masyarakatnya. Usaha berterusan dalam dokumentasi dan pelestarian merupakan kunci untuk memastikan kelestarian dan kekayaan bahasa ini untuk masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdul Hakam. (2008). *Kerinci: Sejarah penghijrahan dan petempatan orang Kerinci (1850–1963)* [Ijazah Sarjana Muda Sastera]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adelaar, K. A. (1992). *Proto-Malayic: The reconstruction of its phonology and parts of its morphology and lexicon* (Series C No. 119). Pacific Linguistics.

- Adi Yasran Abdul Aziz, et al. (2014). Pengglotisan geseran /s/ dalam bahasa Kerinci. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 14(3), 225–242.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (1999). Definisi ciri bahasa. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu: Bahasa Wahana Ilmu*, 1, 1–16.
- Adnan Haji Nawang. (1997). *Kuala Lumpur dari perspektif Haji Abdullah Hukum*. Berita Publishing.
- Amir Hakim Usman. (1988). *Fonologi dan morfologi bahasa Kerinci dialek Sungai Penuh* [Disertasi Doktor Ilmu Sastra]. Universitas Indonesia.
- Asmah Haji Omar, et al. (2013). *Bahasa Minangkabau Mukim Sesapan Batu Minangkabau*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2005). *Alam dan penyebaran bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). Kampar dalam geolinguistik dan geobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa*, 15(2), 201–218.
- Asyhadi Mufsi Sadzali, Yusdi Anra, & Benny Agusti Putra. (2019). Menjadi Minangkabau di Dunia Melayu Kerinci: Identifikasi akulturasi budaya Minangkabau di Kerinci ditinjau dari tinggalan arkeologi dan sejarah. *Titian: Jurnal Ilmu Humaniora*, 3(2), 276–293.
- Azizah Mohd Rasol. (2005). *Orang Kerinchi di Selangor: Sejarah penghijrahan, penempatan dan perkembangan (1800–1957)* [Ijazah Sarjana Muda Sastera]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci. (2015). *Kerinci dalam angka 2015*. Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. (2010). *Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim*. Jabatan Perangkaan Negara Malaysia.
- Budiarta, I. W. (2019). Eksistensi Bahasa Lokal Terkait Pemindahan Ibu Kota Negara Ke Kalimantan Timur: Ancaman dan Strategi Pemertahanannya. *Ganaya : Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, 2(2-2), 1–9.
- Bustami, R. A., & Devy, Y. M. (2024). Penggunaan nama geografis untuk penamaan wilayah administrasi di Kabupaten Kerinci Provinsi Jambi berbasis data sekunder. *GAUNG: Jurnal Ragam Budaya Gemilang*, 2(1), 31–44. <https://doi.org/10.55909/gj.v2i1.24>
- Ernanda. (2011). *On the loss of the phrasal alternation in the Pondok Tinggi Dialect of Kerinci: A stochastic optimality theory approach* [Tesis Sarjana]. Radboud University Nijmegen.
- Ernanda. (2015). Phrasal alternation in the Pondok Tinggi Dialect of Kerinci: An intergenerational analysis. *Wacana*, 16(2), 355–382.
- Isman, J. (1958). *Kerinci Phonology*. Indiana University.
- Kho Thong Eng. (2022). Perihal Kata Nama. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/05/20/3573/> diakses pada 20 Ogos 2025.
- McKinnon, T. A. (2011). *The morphology and morphosyntax of Kerinci word shape alternations* [Doctoral dissertation]. University of Delaware.
- Mohd Isa Farhy Yassin. (1971). Sistim bunyi loghat Kerinci dan perbandingannya dengan bahasa Melayu standard. *Dewan Bahasa*, 13(3), 162–169.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, & Che Halin, A. K. (2021). Leksikostatistik dan glotokronologi antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu: Kajian linguistik sejarah dan perbandingan. *Jurnal Kesidang*, 6, 44–61.

- Mohd Sharifudin Yusop. (2011). Status dialek Duano dan dialek Kanaq berdasarkan petunjuk sosioantropologi bahasa. Dalam *Kedinamikan bahasa dan budaya: Isu dan trend*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Tarmizi, et al. (2013). Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(3), 211–222.
- Monita Sholeha, & Hendrokumoro. (2022). Kekerabatan bahasa Kerinci, Melayu Jambi, dan Minangkabau. *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 5(2), 399–420.
- Nandra. (1999). Diftongisasi dalam bahasa Minangkabau umum. *Puitika: Jurnal Humaniora*, 7, 1–4.
- Nelmawarni, & Nordin. (2011). Merantau ke Kuala Lumpur: Tradisi merantau dan berdagang masyarakat Minang. *GEOGRAFIA™ Online Malaysian Journal of Society and Space*, 7(Special Issue), 116–131.
- Nik Safiah Karim, et al. (2010). *Tatabahasa Dewan* (Edisi ke-3). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani. (2004). Teori dan realiti perubahan bahasa: Daripada bahasa ibunda kepada bahasa Melayu. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu: Bahasa Wahana Ilmu*, 9, 45–56.
- Noresah, B., et al. (Eds.). (2010). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norfazila Ab. Hamid. (2025). Inventori fonem varian Melanau Kanowit Sarawak. *Jurnal Melayu*, 24(1), 22–38.
- Noriah Mohamed. (2004). *Beberapa topik asas sociolinguistik*. Utusan Publications & Distributors.
- Nova Rina, & Mariati. (2017). Hubungan kekerabatan bahasa Minangkabau Tapan dengan bahasa Kerinci Sungai Penuh. *Jurnal Gramatika: Jurnal Penelitian Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 4(1), 1–11.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2022). Penyukuan vokal tinggi dalam bahasa Kerinci: Analisis teori fonologi autosegmental. *Jurnal Bahasa*, 22(2), 223–250.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Adi Yasran Abdul Aziz, & Norfaizah Abdul Jobar. (2022). Representasi fitur vokal bahasa Kerinci: Satu penilaian semula berdasarkan teori fonologi autosegmental. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 33(2), 45–80.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli, et al. (2015). Derivasi rumus reduksi vokal dan pembentukan glottis dalam bahasa Kerinci. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(3), 83–97.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2019). Debukalisasi dan asimilasi fitur dalam bahasa Kerinci: Analisis teori autosegmental. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 134–150.
- Nur Hafizah Termizi dan Kartini Abd. Wahab. (2023). Kata adjektif dalam dialek Melayu Kedah: Satu pemerian awal. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember 2023*, 14–32.
- Nurul Aini Abd Rahman. (2018). Kata kerja dalam dialek Perlis: Analisis program Minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana*, Vol. 2(4), 1–15.
- Palen Dika, et al. (2023). Persamaan bahasa Minang dan Kerinci dari segi fonetik. *Innovative: Journal of Social Science Research*, 3(6), 8270–8281.
- Prentice, D. J., & Usman, A. H. (1978). Kerinci sound-changes and phonotactics. *Pacific Linguistics. Series C*, 61. The Australian National University.
- Radcliffe, D. (1969). *The peopling of Ulu Langat*. Southeast Asia Program Publications, Cornell University.

- Raja Masittah Raja Ariffin. (2007). *Status penggunaan bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia* [Tesis Doktor Falsafah]. Universiti Putra Malaysia.
- Redzuan Othman (Terj.). (1980). *Sejarah Serendah 1880–1940*. Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
- Refisrul dan Ajisman. (2015). *Minangkabau dan Kerinci. Hubungan Budaya dan Sistem Kekerabatan*. Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Jenderal Kebudayaan Balai Pelestarian Nilai Budaya Padang 2015.
- Reijn, E. O. V. (1974). Some remarks on the dialects of North Kerintji: A link with the Mon Khmer languages. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 47(2), 130 -138.
- Rifai, Y. (1954). Dialek Kerinci. *Medan Bahasa*, 4(3), 26–28.
- Rozaimah Rashidin, & Nor Diyana Saupi. (2011). Kata ganti nama dalam dialek Kerinci. *Jurnal Linguistik*, 14, 1–16.
- Saidatul Normis Mahali. (2024). Faktor peralihan bahasa dalam masyarakat Murut di Sabah. *Jurnal Melayu*, Vol.23(1), 18-34.
- Siti Noridayu Abd. Nasir dan Hazlina Abdul Halim. (2022). Pengaruh dialek dalam pemerolehan bahasa Melayu baku remaja berkeperluan khas. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember*, 173-188.
- Teuku Alamsyah, Muhammad Iqbal dan Rostina Taib. (2022). Perubahan Bahasa Aceh: Tinjauan Realitas Penggunaan Bahasa Aceh dalam Interaksi Sosial di Aceh. *Ranah: Jurnal Kajian Bahasa*, 11(2), 451-463. doi: <https://doi.org/10.26499/rmh.v11i2.5207>
- Voorhoeve, P. (1970). Kerintji documents. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 126(4), 369–399.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi generatif: Teori dan penerapan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (2006). Kepelbagaian dialek dalam bahasa Melayu: Analisis tatatingkat kekangan. *Jurnal e-Bangi*, 1(1), 1–26.
- Zampieri, M., & Nakov, P. (2021). *Similar languages, varieties, and dialects: A computational perspective*. Cambridge University Press.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin (Ph.D) dan Dr. Mohd Sharifudin bin Yusop (Ph.D), mantan pensyarah kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), merangkap penyelia bersama yang telah banyak membimbing dan memberikan ilmu pengetahuan semasa penyelidikan ini dilaksanakan ketika pengajian peringkat Doktor Falsafah yang lalu.

Biodata Penulis

Nur Farahkhanna binti Mohd Rusli (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Bidang Pengkhususan beliau ialah Linguistik Melayu, dan Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu.

Adi Yasran Bin Abdul Aziz (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Melayu, khususnya Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu dan Sistem Tulisan Jawi.